


KL sokong persepakatan perangi keganasan: PM

Hanya PBB berupaya selaras usaha peringkat global



Daripada Hishamuddin Aun

NEW YORK: Malaysia menyokong sebarang langkah segera ke arah mewujudkan suatu persepakatan menyeluruh dalam memerangi keganasan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambil akur tiada suatu bentuk penyelesaian khusus ditemui setakat ini, Perdana Menteri berkata ia menuntut pendekatan multilateralisme yang berkesan untuk membendung keganasan dalam apa bentuk sekalipun.

"Pertama sekali, keganasan hendaklah dikutuk. Penganas tidak pun layak diberi sebarang belas kasihan mahupun simpati," katanya ketika berucap pada mesyuarat pleno tahap tinggi sesi ke-60 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di sini.

Kebanyakan ketua negara dan kerajaan yang diberi kesempatan berucap semalam, termasuk Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, turut memberi lebih pene-

kanan kepada ikhtiar memerangi keganasan.

Abdullah juga mengingatkan usaha membendung keganasan pada peringkat global menuntut kerjasama sebaik mungkin di kalangan semua negara.

Katanya, hanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berupaya menyelaras tanggungjawab sedemikian besar.

"Kita harus tahu motif penganas dalam usaha mengenal pasti punca tindakan mereka.

"Antara sebabnya mungkin ketidakadilan politik, penafian hak asasi manusia, kepayahan hidup dihipit kemiskinan atau sebab lain yang belum diketahui," katanya.

Perdana Menteri yang hanya diberi ruang berucap lima minit, berkata langkah sewajarnya perlu diambil untuk menangani punca sesuatu keganasan agar apa juga alasan yang menjadi dorongan buat mereka tidak lagi relevan.

"Memang ada keupayaan untuk menjejaskan, menangkap atau membunuh penganas secara individu tetapi kecuali punca sebenarnya ditangani, rekrut baru kemudian akan mengambil alih daripada ketua atau kumpulan yang terbunuh dalam perang terhadap keganasan," katanya.

Abdullah berkata, di sebalik penganas tidak harus dikasihani, minda dan pemikiran mereka harus juga diselidiki.

Dalam pada itu, katanya, perbezaan hendaklah dibuat di antara perlakuan keganasan dan hak sekumpulan masyarakat tertentu untuk berjuang terhadap sesuatu tujuan.

"Tidak adil untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana bangsa atau agama anutan"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

SEIRING: Abdullah dan Tony Blair meninggalkan bilik mesyuarat selepas mengadakan perbincangan di Ibu Pejabat PBB, New York, semalam.